



**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

Tarikh : 7 Mac 2023 (Selasa)
Masa : 9.30 pagi – 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya / Atas Talian

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Haji Wan Muhammad Aznan bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) - Pengurus Ganti
2. Mohamed Rizal Bin Mustafa @ Mustapha
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan - Ahli
3. Puan Shamila binti Zainol
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan - Ahli
4. Puan Liza binti Long
Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak - Turut Hadir (Atas Talian)
7. Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias
Ketua Cawangan Kemajuan Kerjaya dan Kompetensi
Bahagian Pembangunan Modal Insan
8. Puan Hasliza binti Kasim
Ketua Cawangan Pengurusan Aset dan Pentadbiran
Bahagian Khidmat Pengurusan - Ahli
9. Mohd Izzat Hafiz bin Mohd Yazid Zihar
Cawangan Kewangan dan Perolehan
Bahagian Khidmat Pengurusan - Ahli
10. Puan Mas Ayu binti Johari
Cawangan Kewangan dan Perolehan
Bahagian Khidmat Pengurusan - Turut Hadir (Atas Talian)
11. Puan Wajeehah binti Mohd Ghazali
Cawangan Pengurusan Aset dan Pentadbiran
Bahagian Khidmat Pengurusan - Turut Hadir (Atas Talian)
12. Puan Nor Sa'adah binti Hj Mohd Sidek
Cawangan Pengurusan Personel
Bahagian Khidmat Pengurusan - Urusetia

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Puan Agnes Caroline Anak Gibea
Ketua Cawangan Kewangan dan Perolehan
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Encik Mat Arif bin Mat Arof
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)
3. Puan Noraini Binti Md Nor
Cawangan Pengurusan Maklumat
Juruteknik Komputer/Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/Pegawai Teknologi Maklumat Gred FT19/F26, FA29/38 & F41/F48

KEHADIRAN WAKIL PEKERJA:

1. Puan Anis Mazidah binti Abd Samad
Bahagian Akuakultur
Naib Pengerusi dan Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G48)
2. Encik Muhammad Shakirin bin Suhaimi
Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan
Setiausaha Bersama
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41)
3. Encik Mohd Azrul bin Mahmod
Bahagian Akuakultur
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G44)
4. Encik Mohd Mustakim bin Baharom
Bahagian Akuakultur
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir Gred N19/N26)
5. Puan Rosliana Binti Zainal - Hadir atas talian
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19/N22/N29/N28/N32/N36)
6. Encik Ahmad Sani bin Ahmad Razali
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/N22/N26)
8. Encik Magenthiran Hariz Putra bin Tharmalingam - Hadir atas talian
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja Gred G19/G22/G26

1. UCAPAN ALUAN PENGERUSI MBJ

- 1.1. YBrs. Tuan Haji Muhammad Aznan bin Abdullah selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal serta mengalu-alukan kehadiran wakil pengurusan dari Jabatan Perikanan Laut Sarawak secara atas talian.

Tindakan: Makluman

- 1.2. YBrs. Tuan Pengerusi menyentuh berkenaan peranan semua kakitangan di dalam memastikan objektif KPI Jabatan tercapai walaupun berbeza skim perkhidmatan dan gred. Beliau turut menyeru agar suasana harmonis dalam hubungan kerja dapat dikekalkan agar KPI Jabatan tercapai tanpa mengabaikan kebajikan kakitangan.

Tindakan: Makluman

- 1.3. YBrs. Tuan Pengerusi juga menyeru agar mesyuarat ini dijadikan sebagai platform untuk membincangkan serta mencadangkan inisiatif yang bersesuaian terhadap isu-isu yang diketengahkan oleh kakitangan di Jabatan. Beliau juga berharap setiap isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan atau sekurang-kurangnya diangkat untuk perhatian pihak yang sewajarnya.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN WAKIL NAIB PENGERUSI MBJ

- 2.1. Naib Pengerusi MBJ, Puan Anis Mazidah binti Abd Samad mengucapkan salam dan terima kasih kepada pihak pengurusan dah ahli yang hadir. Beliau turut memaklumkan mesyuarat pada hari ini diwakili oleh 5 orang Wakil Pekerja secara fizikal dan secara atas talian. Beliau turut mengalu-alukan perbincangan dalam menyelesaikan isu-isu yang akan diketengahkan oleh pihak Wakil Pekerja.

Tindakan: Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 3 TAHUN 2022

- 3.1. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 3 Tahun 2022 diusul untuk disahkan tanpa pindaan oleh Puan Shamila binti Zainon dan telah disokong oleh Encik Mohamed Rizal bin Mustafa@Mustapha.

Tindakan: Makluman

4. PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

4.1. Sesi Penerangan Urusan Penambahbaikan Skim Pembantu Perikanan Gred G19 ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29

- 4.1.1. Wakil Pekerja menetapkan tarikh cadangan pelaksanaan sesi penerangan tersebut pada 20 Mac 2023. Surat jemputan dan penyelarasan bersama Bahagian BKP akan dilaksanakan kelak.

Tindakan: Wakil Pekerja

- 4.1.2. Mesyuarat turut dimaklumkan pihak BPMI kini dalam usaha untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak JPA dengan menjadikan Sijil Perikanan sebagai salah satu syarat lantikan Penolong Pegawai Perikanan G29. Semakan susulan berkaitan status permohonan tersebut akan dibuat sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia dengan menjadikan Sijil Pertanian sebagai syarat sah lantikan.

Tindakan: BPMI

4.2. Penetapan *Time Frame* bagi Urusan Penarafan Sijil Perikanan

- 4.2.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) telah diadakan pada 6 November 2022 oleh BPMI bagi membuka peluang kepada semua kakitangan Jabatan Perikanan Malaysia untuk mendapatkan sijil berdasarkan pengalaman kerja dan pencapaian terdahulu. Walau bagaimanapun, BPMI masih belum menerima dokumen permohonan daripada pegawai terlibat.

Tindakan: Makluman

- 4.2.2. Pengarah BPMI turut memaklumkan satu hubungan kerjasama telah dilaksanakan bersama Universiti Malaysia Terengganu sebagai salah satu alternatif dalam membantu peningkatan kerjaya kumpulan Skim Pembantu Perikanan G19 melalui pengenalan program Apel-Q. Mesyuarat dimaklumkan program tersebut mengambil kira pengalaman bekerja sebagai satu pengiktirafan pencapaian terdahulu. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih perlu diperhalusi di peringkat UMT dan bagi mendapatkan akreditasi daripada MQA sebelum ianya boleh dilaksanakan sepenuhnya.

Tindakan: Makluman

4.3. Naik Taraf Perjawatan Pembantu Perikanan Gred G19 di PPD Kucing dan Santubong ke Gred G22

- 4.3.1 Wakil Sarawak memaklumkan, Mesyuarat Perjawatan JPLS Bil 1/2023 yang diadakan pada 1 Mac 2023 telah memutuskan untuk mengekalkan perjawatan sedia ada di PPD Santubong dan PPD Kuching.

Tindakan: Makluman

- 4.3.2 YBrs. Tuan Pengerusi turut mencadangkan agar PPD Kucing dan Santubong membuat permohonan penambahan jawatan daripada Kerajaan Negeri memandangkan Mesyuarat Perjawatan JPLS memutuskan untuk mengekalkan perjawatan sedia ada di dua daerah tersebut.

Tindakan: Makluman

- 4.3.3 Pihak JPLS memaklumkan permohonan penambahan jawatan di PPD Kucing dan Santubong telah dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi menampung beban tugas yang tinggi yang mana iklan permohonan akan dibuka dalam masa terdekat.

Tindakan: JPLS

4.4 Elaun Tanggung Kerja bagi Pegawai yang Melaksanakan Perjawatan Lain / Kerja-Kerja Kewangan

- 4.4.1 Majlis dimaklumkan semakan pembayaran BITK telah dilakukan dengan Cawangan Kewangan, BKP. Terdapat beberapa kelulusan yang telah diberikan kepada pegawai yang perlu disemak semula berdasarkan Deskripsi Tugas dan Perjawatan di pejabat tersebut. Proses pemutihan juga akan dilaksanakan bagi memastikan bayaran dibuat kepada pegawai yang berkelayakan sahaja dan atas dasar penjimatan Jabatan. Sekiranya didapati pembayaran masih dibuat kepada pegawai yang telah bertukar dan tidak melaksanakan lagi kerja kewangan tersebut, maka kutipan semula akan dibuat bagi tempoh tidak berkelayakan.

Tindakan: Makluman

- 4.4.2 Wakil Pekerja mengusulkan agar satu pemakluman peringatan dibuat kepada semua Pengarah Negeri untuk memaklumkan kepada Ibu Pejabat sekiranya terdapat pergerakan atau pertukaran di peringkat negeri.

Tindakan: BKP

- 4.4.3 Mesyuarat dimaklumkan oleh Wakil Pekerja, pertimbangan untuk kelulusan permohonan BITK masih perlu dipertimbangkan kerana terdapat bahagian yang menggunakan sistem bagi tujuan proses perolehan dan tugas tersebut tidak hanya terhad kepada Cawangan Kewangan sahaja.

Tindakan: Makluman

- 4.4.4 Pengarah BKP memaklumkan sekiranya terdapat keperluan bagi bayaran BITK kepada pegawai yang menjalankan kerja-kerja kewangan, Ketua Cawangan atau Pengarah Bahagian boleh mengemukakan permohonan berserta justifikasi.

Tindakan: Makluman

4.5 Penilaian SKT bagi Pembantu Laut Dilaksanakan oleh Kapten / *Commanding Officer* (CO) Kapal

- 4.5.1 BKOPP mengambil maklum berkenaan penilaian SKT jawatan Pembantu Laut yang dilaksanakan oleh Kapten atau CO Kapal yang mana penilaian dibuat oleh pegawai di gred yang sama. BKOPP mencadangkan agar pihak PPN melaksanakan penilaian SKT/LNPT kakitangan di pangkalan termasuk Pembantu Laut melalui Ketua Pangkalan sebagai Pegawai Penilai Pertama (PPP) manakala Ketua Cawangan CKOPP negeri adalah sebagai Pegawai Penilai Kedua (PPK).

Tindakan: Makluman

- 4.5.2 YBrs. Tuan Pengurus mencadangkan agar Pengarah-Pengarah Negeri membuat semakan secara keseluruhan dan melihat kesesuaian pegawai penilai agar penilaian tidak dibuat oleh pegawai yang sama atau lebih rendah gred jawatannya berbanding Pegawai Yang Dinilai.

Tindakan: Makluman

4.6 Kenaikan Pangkat Time Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK)

- 4.6.1 Cawangan Personel memaklumkan kertas pertimbangan bagi kenaikan pangkat TBK telah dibawa ke LKPPA Bil.2/2022 dengan pecahan seperti berikut:

Perkara	Bilangan Permohonan
TBK1	103
TBK2	39
Kementerian Kerja Raya	2
CGSO	3
Jabatan Laut Malaysia	91

Tindakan: Makluman

- 4.6.2 Mesyuarat turut dimaklumkan permohonan pegawai daripada Kementerian Kerja Raya, CGSO dan Jabatan Laut Malaysia yang telah memilih Ketua Perkhidmatan masing-masing sebagai Ketua Perkhidmatan telah dipanjangkan kepada Jabatan / Agensi / Kementerian tersebut.

Tindakan: Makluman

4.7 Wang Pendahuluan bagi Urusan Melaksanakan Kerja Rasmi di Luar

- 4.7.1 Cawangan Kewangan telah dimohon untuk membuat semakan amalan permohonan wang pendahuluan oleh Kementerian / Agensi sekiranya terdapat kaedah tertentu untuk kelulusan khas.

Tindakan: Makluman

- 4.7.2 Ketua Cawangan Kewangan memaklumkan sehingga kini tiada kelulusan khas bagi wang pendahuluan diri yang diberikan oleh Kementerian selaras dengan WP3.2 Para 3;3.1 Syarat-syarat Pendahuluan Diri dan 3.2 Prosedur kelulusan Pendahuluan Diri. Selain itu, pendahuluan diri juga tidak dijadikan amalan memandangkan proses untuk mendapatkan kelulusan adalah terhad berdasarkan tempoh permohonan dikemukakan (arahan tugas rasmi secara *ad-hoc*) serta akan memberikan implikasi peningkatan jumlah Akaun Belum Terima (ABT) Jabatan sekiranya pegawai tidak dapat menyelesaikan pendahuluan diri dalam tempoh yang ditetapkan.

Tindakan: Makluman

4.8 Penghargaan bagi Pegawai yang Berkhidmat 25 Tahun ke Atas

- 4.8.1 Cawangan Personel memaklumkan tiada kaedah spesifik yang dinyatakan dalam mana-mana pekeliling yang memperuntukkan keraian bagi pegawai yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun ke atas.

Tindakan: Makluman

- 4.8.2 Wakil Pekerja memaklumkan penghargaan tersebut tidak akan melibatkan implikasi kewangan serta majlis keraian dan cukup sekadar Sijil Penghargaan kepada pegawai yang terlibat. Penerimaan Sijil Penghargaan ini juga diharap tidak menjadi satu tanda aras di dalam pertimbangan calon penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Tindakan: Makluman

- 4.8.3 YBrs. Tuan Pengurus dan Pengarah BPMI bersetuju dengan cadangan tersebut sekiranya ianya tidak melibatkan majlis keraian dan implikasi kewangan yang lain.

Tindakan: BPMI

5. ISU WAKIL PEKERJA

- 5.1 Wakil Pekerja memaklumkan bahawa terdapat sebanyak tiga usul yang telah disemak untuk dibentangkan kepada mesyuarat. Senarai usul / isu yang dikemukakan boleh dirujuk di **Lampiran A**.

5.1.1 Sijil Perikanan sebagai Syarat Sah Lantikan Penolong Pegawai Perikanan G29

- i. Wakil Pekerja mencadangkan agar satu *milestone* ditetapkan bagi proses permohonan di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain itu, turut dicadangkan agar satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan di BPMI bagi mempercepatkan lagi proses tersebut.

Tindakan: Makluman

- ii. Pengarah BPMI memaklumkan proses penilaian serta pertimbangan di peringkat JPA adalah diluar bidang kuasa Jabatan ini. Walau bagaimanapun, semakan susulan dengan pihak JPA sentiasa dibuat oleh BPMI dan BKP bagi mendapatkan makum balas status semasa.

Tindakan: BPMI dan BKP

- iii. Wakil Pekerja turut memohon agar BPMI membuat semakan di peringkat JPA berikutan isu Diploma Perikanan tidak diiktiraf sebagai salah satu bidang Sains.

Tindakan: Makluman

- iv. Mesyuarat dimaklumkan oleh Pengarah BPMI itu tersebut melibatkan jawatan Penolong Pegawai Penyelidik yang mana syarat lantikan bagi Skim Q ialah latar belakang pendidikan mestilah di dalam bidang Sains. Selain itu, semakan dengan pihak Universiti Malaysia Terengganu turut dibuat bagi menyelesaikan isu Pegawai Perikanan dengan kelayakan Ijazah Perikanan Gunaan tidak mendapat gaji yang setara dengan pegawai lantikan kelayakan Ijazah Perikanan.

Tindakan: BPMI

5.1.2 Elaun Kerja Lebih Masa dan Tuntutan Perjalanan Elaun / Bayaran Kerana Menjalankan Tugas Rasmi

- i. Wakil Pekerja memaklumkan Tuntutan Perjalanan Elaun / Bayaran Kerana Menjalankan Tugas Rasmi melibatkan pegawai yang bertugas di pulau telah dikurangkan. Jumlah tuntutan yang dikurangkan adalah daripada RM280 kepada RM170 sehingga menyebabkan pegawai rasa terbeban serta penambahan bebanan tugas selepas penstukturran Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan (BKOPP).

Tindakan: Makluman

- ii. Pengarah BKP memaklumkan Tuntutan Perjalanan Elaun / Bayaran Kerana Menjalankan Tugas Rasmi merupakan bajet di bawah peruntukan belanja mengurus (OE). Merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh BKP, penurunan kuasa telah dibuat kepada Pengarah Negeri dan Pusat Penyelidikan bagi tujuan mengawal perbelanjaan. Disebabkan peruntukan yang diturunkan adalah bagi tempoh enam bulan sahaja, semua adalah diingatkan untuk berbelanja secara berkhemah. Selepas pembentangan bajet dibuat, semakan semula akan dibuat berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima dan isu ini akan dilihat semula secara keseluruhan.

Tindakan: BKP

5.1.3 Proses Pelupusan Fail Melebihi Lima tahun

- i. Wakil Pekerja memaklumkan terdapat lambakan fail lama yang berusia melebihi tempoh lima tahun dan tiada tindakan yang diambil samaada untuk disimpan atau dilupuskan. Kerjasama BKP dimohon untuk membuat pemantauan pelaksanaan pelupusan fail kerana terdapat kes pelupusan fail dibuat tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Tindakan: Makluman

- ii. YBrs. Tuan Pengurus mencadangkan agar BKP membuat semakan prosedur yang betul untuk tujuan pelupusan fail dengan merujuk Arkib Negara Malaysia. Pemantauan akan dibuat secara keseluruhan berhubung perkara ini termasuk di negeri dan Pusat Penyelidikan.

Tindakan: BKP

6 HAL-HAL LAIN

6.1 Pindaan Perlembagaan MBJ

- 6.1.1 Majlis dimaklumkan Wakil Pekerja sedang mengenalpasti wakil baharu yang akan dilantik sebaik sahaja pindaan Perlembagaan MBJ diluluskan. Turut dimaklumkan pencalonan adalah berdasarkan Skim dan Gred, di mana pegawai dilantik akan mewakili skim dan Gred berkenaan bagi seluruh Jabatan.

Tindakan: Makluman

7 PENUTUP

YBrs. Tuan Pengurus mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

DISEDIAKAN OLEH:

.....


(NOR SA'ADAH BINTI HJ MOHD SIDEK)
Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia

.....


(ENCIK MUHAMMAD SHAKIRIN BIN SUHAIMI)
Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia

